



**SIARAN AKHBAR  
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA  
MANGSA-MANGSA BANJIR DAERAH TEMBURONG**

**Temburong, Sabtu, 31 Mac 2018-** Kejadian hujan lebat yang berlaku secara berterusan pada awal bulan Disember 2017 yang lalu telah mengakibatkan banjir kilat sehingga menyebabkan terputusnya hubungan jalan dan kerosakan kepada rumah-rumah di 23 buah kampung di Daerah Temburong. Mukim-mukim yang terjejas ialah Mukim Bangar, Mukim Amo, Mukim Bokok dan Mukim Batu Apoi.

Bagi meringankan beban mangsa-mangsa tersebut, satu majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan kepada 200 mangsa-mangsa yang terjejas telah diadakan petang ini di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Batu Apoi, Temburong.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kerajaan ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Haji Emran bin Haji Sabtu, Ahli Mesyuarat Negara dan Penghulu Mukim Bokok, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Awang Mohammad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta para penghulu dan ketua kampung daripada kawasan-kawasan yang terjejas.

Semasa kejadian banjir tersebut, pihak JAPEM juga telah memberikan bantuan berupa makanan tersedia (*packed meals*) dan catuan makanan kepada mangsa-mangsa banjir. Diharapkan bantuan kewangan kerajaan yang dihulurkan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa terjejas untuk memulakan kehidupan seperti sediakala.

### Tamat ###

*Disediakan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam.  
Tarikh : 13 Rejab 1439H / 31 Mac 2018M*